

## ELEMENTS OF POLITENESS OF LANGUAGE IN THE WAY THE PROPHET SAW INTERACTED

### ELEMEN KESANTUNAN BAHASA DALAM CARA RASULULLAH SAW BERINTERAKSI

<sup>1</sup>Abu Dzar Ahmad, <sup>2</sup>Mohammad Haafiz Aminuddin Mohd Azmi & <sup>3</sup>Muhamad Fairuz Ali

<sup>1,2</sup>Jabatan Quran dan Sunah & <sup>3</sup>Jabatan Bahasa Arab  
Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

#### *Abstract*

*The politeness of Rasulullah SAW in interacting with his companions should be emulated. The various elements of manners that he applied in his daily conversation made each of his words have certain messages that need to be highlighted. However, there is a conflict among the society due to the use of language without the decency. To avoid that happen, Islam advocates methods that guide the community to communicate in harmony by emulating the way of the Prophet SAW interacted. This article uses descriptive and thematic method to explore hadiths that are closely related to the issue of language decency using qualitative research technique. The results of the study found that there are several hadiths that present the pattern of language politeness in the elements of the Prophet SAW speaking. Overall, the relevance of this article proves that the value of politeness in hadith should be implemented in society to encourage them to interact with manners and ethics of communication in the community thoroughly.*

**Keyword:** *Politeness of language, The way of Rasulullah SAW, Interaction.*

#### **Abstrak**

Kesantunan Rasulullah SAW berinteraksi dengan para sahabat amat wajar diteladani. Pelbagai elemen santun baginda terapkan dalam percakapan harian menjadikan setiap tutur kata baginda memiliki mesej-mesej tertentu yang perlu ditonjolkan. Namun, penggunaan bahasa seringkali menjadi pergeseran yang menghakis kesantunan masyarakat apabila berbicara sehingga berlaku konflik yang mencalarakan imej kesantunan. Bagi mengurangkan ketirisan yang berlaku, Islam menganjurkan kaedah yang memandu masyarakat untuk berkomunikasi secara harmoni dengan mencontohi cara Rasulullah SAW berinteraksi. Artikel ini menggunakan kaedah deskriptif dan tematik bagi mengoreksi hadis-hadis yang berkait rapat dengan isu kesantunan bahasa menggunakan teknik penyelidikan kualitatif.

#### **Penulis Utama:**

Abu Dzar Ahmad

Jabatan Quran dan Sunah

Fakulti Pengajian Islam

Kolej Universiti Islam  
Pahang Sultan Ahmad  
Shah

#### **E-mel:**

abudzar@kuipsas.edu.my

Hasil kajian mendapati terdapat beberapa hadis yang menzahirkan corak kesantunan bahasa dalam elemen baginda Nabi SAW bertutur. Secara keseluruhannya, kerelevanan artikel ini membuktikan bahawa nilai kesantunan dalam hadis wajar diimplementasikan dalam masyarakat bagi mendorong mereka berinteraksi dengan lebih meluas selari dengan tuntutan adab dan etika berkomunikasi dalam komuniti.

**Kata kunci:** kesantunan bahasa, cara Rasulullah SAW, berinteraksi.

## PENGENALAN

Kesantunan Rasulullah SAW berinteraksi dengan para sahabat amat wajar dicontohi kerana pelbagai elemen dalam hadis baginda Nabi SAW menerapkan nilai kesantunan berbahasa dalam setiap tutur kata baginda yang berkesan dan memiliki mesej-mesej tertentu. Elemen kesantunan berbahasa yang dizahirkan dalam kenyataan hadis baginda Nabi SAW seperti unsur-unsur nasihat, berlembut, berbincang dan lain-lain elemen menggambarkan kesantunan baginda Nabi SAW berbicara dengan orang sekitar baginda. Kesantunan berbahasa mengaitkan hubungan secara langsung dengan manusia ketika berlaku proses komunikasi dua hala. Kesantunan yang difahami sebenarnya menyentuh prinsip komunikasi Islam dalam masyarakat Muslim sesama manusia (Wan Aminurrashid 2002). Menurut Rahbiahtul Adauwiyah (2014), penerapan jiwa dan moral yang baik ketika berinteraksi wajar dipupuk bagi membina kesantunan diri ketika berbual secara proaktif dan positif. Justeru, bahasa yang digunakan ketika berbicara menjadi medium perantaraan sebagai alat komunikasi bagi masyarakat untuk berhubung sesama mereka (Wan Siti Fatimah Akmal Wan Hasan dan Suhaila Zailani @ Ahmad 2019). Oleh itu, Islam mempamerkan kaedah dan panduan bagi masyarakat menterjemahkan cara-cara berinteraksi menggunakan prinsip kesantunan bahasa dalam berbicara (Muhamad Fairuz Ali & Che Radiah Mezah 2019).

Namun, realiti hari ini masyarakat tidak didedahkan elemen kesantunan tersebut. Hal ini menyebabkan berlakunya penghakisan elemen-elemen kesantunan dalam institusi masyarakat berinteraksi dalam komuniti. Mustafa Haji Daud (1995) berpandangan percakapan yang membawa erti kehalusan dalam menggunakan bahasa ketika berkomunikasi melalui lisan mahupun tulisan merupakan konsep kesantunan yang dimaksudkan. Brown dan Levinson (1987) turut menyumbang idea dalam kajian mereka, kesantunan perlu dilihat pada elemen yang mengungkap tutur kata dan perbuatan kerana perkara tersebut merangka prinsip bahkan kesantunan juga wajar dijadikan pengukur dalam percakapan sesama manusia. Kajian yang pernah dijalankan oleh Lakoff pada tahun 1975 merumuskan bahawa dua konsep kesantunan disisi beliau ialah membuka ruang dan pilihan kepada masyarakat agar mereka mampu menjadi pendengar yang setia (Riduan Makhtar & Abd Ganing Laenkang 2016). Justeru, Nooh Gadut (2013) dalam sebuah kenyataan menyatakan bahawa ketirisan pergaulan dalam masyarakat semakin menghakis kesantunan bahkan menular percakapan yang tidak enak dilatari disebabkan dua punca yang melibatkan pergeseran interaksi dalam institusi keluarga sama ada dalaman dan luaran.

Oleh itu, kerelevanan hadis-hadis baginda Nabi SAW seharusnya ditonjolkan dan dihurai elemen-elemen tersirat kesantunan berbahasa dalam setiap kenyataan hadis agar masyarakat dapat kefahaman yang jitu. Awang Sariyan (2007) dan Syaiful Bahri (2004) menyatakan bahawa konsep kesantunan bahasa perlu di implementasi kepada setiap golongan secara bersasar agar tercapai objektif bagi memelihara lisan daripada mengeluarkan perkataan yang

buruk lagi kesat. Perkembangan sosiologi masyarakat berinteraksi sesama mereka dibentuk mengikut arus persekitaran yang mereka lalui (Mafri Amir 1999). Lantas, pendedahan motivasi daripada hadis-hadis baginda Nabi SAW wajar dikoreksi dan didedahkan agar masyarakat mampu menarik orang sekitar mereka ke arah meneladani cara Rasulullah SAW berinteraksi. Rumusannya, elemen kesantunan bukan sahaja perkara yang dibahaskan dalam al-Quran bahkan terdapat juga elemen tersirat dan tersurat dalam hadis-hadis Rasulullah SAW agar masyarakat dapat menyemai secara langsung elemen-elemen kesantunan ketika berbahasa dengan orang sekeliling (Abu Dzar Ahmad 2019).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Artikel ini menggunakan kaedah kepustakaan secara deskriptif dan tematik. Artikel ini menyelongkar isu dan cara baginda Rasulullah SAW berinteraksi di samping menerapkan elemen kesantunan bahasa yang digunakan dalam pergaulan dan pertuturan. Pendekatan baginda Nabi SAW berinteraksi sebenarnya memupuk nilai dan akhlak Islam secara tidak langsung (Saad al-Din Iman 2006). Oleh itu, mempamerkan peribadi muslim yang dinamik sewajarnya menyingkap inti pati hadis baginda Nabi SAW di samping meneroka cara-cara baginda berinteraksi. Pola pertuturan yang keluar dari mulut Rasulullah SAW mempunyai kandungan dan sarat dengan pendekatan yang menjana adab dan kesantunan (Jalaluddin Rahmat 1996). Justeru, artikel ini dirangka menggunakan pendekatan deskriptif sebagaimana Sugiyono (2005) menjelaskan bahawa kaedah deskriptif ini merupakan suatu metodologi yang digunakan untuk menganalisis suatu sampel yang telah dikumpul dan membuat kesimpulan secara umum.

## **ELEMEN KESANTUNAN BERBAHASA**

Percakapan baginda Rasulullah SAW menzahirkan pelbagai elemen termasuk elemen kesantunan berbahasa di dalam perbualan baginda. Elemen yang akan diketengahkan ialah elemen yang menyentuh landskap perbualan harian masyarakat berdasarkan kekerapan perkara yang sering berulang ungkapan tersebut (Nor Azian Abd Aziz 2005). Oleh itu, empat elemen yang dipilih berdasarkan kekerapan yang wajar diimplementasi kerana elemen ini mempunyai isu tersirat yang perlu dihurai dan diperanakan supaya masyarakat ketahui. Kelebihan penutur pada era globalisasi ini mudah mengekses sesuatu maklumat, lantas kefahaman hadis yang dibawa perlu dijelaskan kontekstual bagi melancarkan implementasi mereka mengamalkan elemen kesantunan bahasa yang dapat melahirkan generasi masyarakat madani yang berakhlak dan efektif (Muhammad Amar et al 2015). Rentetan itu, kesantunan berbahasa sewajarnya perlu mengikut acuan dan pendekatan Rasulullah SAW di samping mengekalkan keharmonian ketika mereka berkomunikasi sesama komuniti (Abu Dzar Ahmad 2019).

Antara empat elemen kesantunan bahasa dalam yang tersirat dalam perbualan baginda Rasulullah SAW berinteraksi ialah:

### **1. Elemen Merendah Diri Sambil Memuji Dengan Menyebut Nama**

Daripada Abi Ya'la RA, berkata Muhammad bin al-Hanafiah RA: Aku telah bertanya kepada baginda Rasulullah SAW sesuatu yang bermaksud:

Siapakah manusia yang terbaik selepas baginda Nabi SAW? Kata baginda: Abu Bakr. Aku Bertanya lagi: Kemudian, siapakah selepasnya? Baginda menjawab: Abu Bakr. Aku bertanya lagi: Siapakah seterusnya? Baginda menjawab: Umar. Lantas, aku merasa bimbang tentang jawapan baginda mengenai Uthman. Lalu,

aku bertanya: Kemudian, dirimu? Baginda SAW bersabda: Bukan diriku, kerana diriku ini tiada apa-apa (istimewa) kecuali hanya seorang lelaki biasa daripada kalangan orang-orang Islam.

[Al-Bukhari. 2004. *Sahih al-Bukhari*, Kitab Fada'il Ashab al-Nabi *Salla Allah alaihi wassalam*, Bab Qawl al-Nabi *Salla Allah alaihi wassalam*: "*Law Kunt Muttakhidhan Khalilan*", no hadis 3671. Penyusun: Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi. Qahirah: Dar Ibnu al-Haytham]

#### **Pengajaran yang tersirat:**

Menurut Ibn Hajar al-Asqalani (2001), salah satu elemen kesantunan bahasa ialah menyantuni percakapan dengan orang sekitar menggunakan gaya bahasa merendah diri. Elemen tersebut merupakan cara baginda Nabi SAW menyantuni ketika berinteraksi dengan para sahabat RA yang sedia maklum dalam kalangan mereka mempunyai senioriti umur daripada baginda Nabi SAW dan ada yang lebih muda daripada usia baginda (al-Omouh 2010). Justeru, sikap rendah diri sewajarnya perlu dizahirkan dalam sifat hormat-menghormati antara satu sama lain ketika berbual. Tambahan, dapat menyuburkan sifat kasih sayang dan belas kasihan dalam pertuturan agar elemen ini dapat membudayakan masyarakat tanpa mengangkat diri meskipun penutur dalam kalangan orang yang dihormati masyarakat setempat (A'dawiyah Ismail 2011).

### **2. Elemen Menyapa Orang Di Meja Makan**

Sebuah riwayat daripada Umar bin Abi Salamah RA menceritakan bagaimana Nabi SAW berinteraksi dengan seorang kanak-kanak untuk menyuruh dia makan secara teratur dan tertib ketika baginda berada sekali bersamanya di tempat makan. Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

Wahai kanak-kanak, bacalah *basmalah* 'Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang', makanlah dengan tangan kanan kamu, makanlah hidangan yang paling hampir dengan kamu.

[Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-At'imah, Bab al-Tasmiah ala al-Ta'am wa al-Akl bi al-Yamin, no hadis 5376]

#### **Pengajaran yang tersirat:**

Menurut al-Nihlawi (2010), olahan inti sari percakapan dalam Islam ialah menyingkap keseluruhan konteks kenyataan baginda Nabi SAW ketika baginda menyapa atau berborak dengan pelbagai lapisan sahabat RA pada waktu-waktu tertentu. Oleh itu, kenyataan baginda Nabi SAW terhadap kanak-kanak di meja makan itu menzahirkan saranan dalam elemen percakapan baginda menggunakan intonasi yang mendatar bukan melenting walaupun hanya dituju kepada golongan kanak-kanak (Ibn Hajar al-Asqalani 2001). Elemen disebalik kenyataan baginda Nabi SAW itu sebenarnya bukan sahaja tertumpu kepada kanak-kanak bahkan mensasarkan juga kepada golongan remaja dan dewasa kerana perkara yang diungkapkan baginda Nabi SAW sebenarnya umum meskipun hanya kanak-kanak sahaja diberi penjelasan secara terperinci berbanding dengan golongan remaja ke atas.

### **3. Elemen Menegur Secara Berhemah**

Sebuah riwayat menceritakan sekumpulan Yahudi melalui kawasan rumah baginda sambil melaungkan kata-kata kesat ke arah baginda. Kemudian, isteri baginda, ummul mukminin 'Aisyah RA membalasnya dengan perkataan yang kasar terhadap mereka, sementelah itu Rasulullah menegur isteri kesayangannya, sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Sebentar wahai Ai'syah, beringatlah, Allah sangat menyukai sifat manusia yang berhemah dalam segenap perbuatan. Maka, aku (Ai'syah) bertanya kepada baginda: Wahai Rasulullah, tidakkah engkau mendengar apa yang telah mereka ungkapkan? Lantas, saranan baginda: Maka aku (baginda) berkata: Moga berbalik ke atas kalian.

[Al-Bukhari. 2004. *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Isti'dhan, Bab kayfa yurad 'ala Ahl al-Dhimmah al-Salam, no hadis 6256]

#### **Pengajaran yang tersirat:**

Tegur-menegur dalam elemen komunikasi perlu diusahakan dalam suasana yang damai meskipun terdapat perkataan yang tidak menyenangkan dari pihak kedua (Al-Munajjid 2014). Orang yang hendak menegur perlu tahu tentang perasaan yang bakal mengundang dengan tegurannya bahkan penegur perlu tahu teguran paling berhemah mengikut apa yang disarankan agama (Adnin Roslan 2017). Antara tiga perkara yang disarankan dalam isu tegur-menegur ialah:

- i. Meluangkan masa dengan orang yang ditegur dan mendengar keluhan mereka di samping menasihati mereka ke arah kebenaran.
- ii. Memulakan teguran dengan bijaksana dan menjelaskan isu yang ditegur. Memberi ruang untuk mereka menyatakan alasan dan peluang untuk mereka berubah.
- iii. Bimbinglah mereka sekadar termampu agar mereka menyedari tentang kesilapan yang telah dilakukan.

Oleh itu, hindarilah bersangka buruk dalam teguran pada seseorang kerana ia merupakan penyakit hati yang boleh menimbulkan persepsi seteru dalam persekitaran komunikasi masyarakat (Onong Uchjana Effendi 2000).

#### **4. Elemen Menegah sambil Memberi Nasihat**

Abu Dzar RA meriwayatkan sebuah kenyataan hadith, beliau meminta kepada Rasulullah untuk menguruskan sesuatu: Wahai Rasulullah, perlukah engkau memberi sebarang tugas kepada aku? Baginda meletakkan tangannya di atas bahunya, kemudian Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

Wahai Aba Dzar! Sesungguhnya engkau ini sememangnya lemah sedangkan ianya adalah sebuah amanah dan besar tanggungannya pada hari akhirat kelak. Engkau akan merasa menyesal dan terhina kecuali sekiranya engkau menunaikan hak-hak dan melaksanakan ke atas tuntutanannya.

[Muslim. 2007. *Sahih Muslim*, Kitab al-'Imarah, Bab Kirahah al-Imarah bi ghayr Darurah, no hadith 1825]

#### **Pengajaran yang tersirat:**

Tegah-menegah bukan sesuatu perkara yang tidak elok bahkan ia adalah lebih baik apabila disulami dengan elemen nasihat. Menurut Ibn Daqiq al-Eid (2008), unsur-unsur nasihat perlu merangkumi kemaslahatan umum seperti mengajak mereka kepada kebaikan dan menegah mereka daripada berbuat perkara yang dilarang. Tambahan beliau lagi, nasihat juga memberi pengajaran kepada mereka agar meninggalkan perbuatan dusta dan hasad dengki di samping menjaga maruah masyarakat sekeliling. Damayanti Wardyaningrum (2013) berpendapat elemen nasihat-menasihati dalam sesuatu perkara yang relevan dan perlu diterap dan dilazimi di samping menegah sesuatu perkara secara berhemah dan bijak.

## MEMBINA KESANTUNAN DALAM PERTUTURAN

Kesantunan berbahasa merupakan konsep yang menyemai makna tersurat dalam elemen komunikasi seseorang dengan manusia lain (Wan Siti Fatimatul Akmal Wan Hasan dan Suhaila Zailani @ Ahmad 2019). Kesantunan yang murni ialah menzahirkan akhlak individu yang pandai menjaga tutur katanya dihadapan orang. Sebuah kenyataan hadis dari Abi Hurayrah RA berkata, Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka berkata-katalah dengan perkataan yang baik atau lebih baik berdiam diri sahaja..

(al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Adab, Bab man kan yu' min billah wa al-youm al-Akhir fala yu'dhi jarah, no hadis 6018)

Kesantunan berbahasa ialah perkara yang berkait rapat dengan urusan lidah manusia (Abd Ganing Laenking 2010). Hal ini ditekankan kerana kesantunan manusia berbahasa itu melibatkan gaya bahasa yang lemah lembut, penyampaian yang memberi kesan serta memberi tafsiran dan makna yang mendalam (al-Omouh 2010). Oleh itu, pertuturan yang sihat adalah penutur yang menjaga lidah mereka ketika berinteraksi dengan orang lain. Terdapat beberapa kegelinciran lidah yang tidak menepati adab Islam yang sebenar dalam bertutur (al-Ghazali 2003). Nabi SAW menganjurkan diam sekiranya tiada apa-apa perkara yang hendak diperkatakan.

Lidah dan tutur kata ibarat aur dengan tebing, bagaikan kuku dengan isi. Begitulah perumpamaan yang dibuat kerana akhlak seseorang akan dipandang mengikut lisan yang bercakap sesuatu dihadapan manusia. Tanpa nilai dan etika, manusia akan berinteraksi seumpama tin kosong yang diketuk sedangkan isinya tiada. Justeru, pandulah lidah menuruti agama ketika bertutur dengan seseorang (Damayanti Wardyaningrum 2013). Malah, berinteraksilah dengan menyantuni orang menggunakan acuan baginda Nabi SAW supaya terdidik menjadi seorang muslim yang membina indentiti agama dalam pertuturan mereka (Mohd Yusuf Ismail dan Syed Najihuddin Syed Hassan 2011). Lantaran itu, berfikir sebelum bercakap merupakan satu falsafah yang patut dipraktikkan kerana percakapan manusia hakikatnya menzahirkan personaliti seseorang. Selari dengan sebuah kenyataan hadis yang diriwayatkan oleh Abi Hurayrah RA berkata, Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

Sesungguhnya seorang hamba yang mengucapkan sesuatu pertuturan tanpa berfikir kandungannya menyebabkan dia akan tercampak ke dalam neraka yang mana jauhnya lebih kurang jarak di antara timur dan barat.

[al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Riqaq, Bab Hifdh al-Lisan wa Qawl al-Nabi Salla Allah alayh: (Man kan yu' min bi Allah wa al-youm al-Akhir fal yaqul Khayran aw li Yasmut), no hadith 6478]

Ibn Hajar al-Asqalani (2001) mengulas mengenai teks hadis tersebut dan menyatakan kesan percakapan seseorang juga sebenarnya melibatkan hukum dosa dan pahala. Saranan baginda agar setiap penutur menjaga tutur kata mereka daripada terpengaruh dengan perkara yang tidak wajar sehingga menyebabkan si penutur tercampak ke lubuk neraka atas dasar tidak menjaga lidah.

Masyarakat wajar menyantuni orang sekitar mereka dengan kata-kata yang baik, tidak mengeluarkan kata-kata buruk sepanjang masa, mengamalkan pendekatan yang dianjurkan Nabi SAW (Al-Qaradawi 2002). Oleh demikian, baginda mengaitkan urusan lidah dengan hari akhirat kerana orang yang beriman sahaja sedar bahawa setiap pertuturan yang dibualkan akan dipersoalkan di akhirat kelak (Ad-Dien Abd Kadir 2016).

## **PERKARA YANG MENCALARKAN IMEJ KESANTUNAN KETIKA BERBAHASA**

Lidah manusia yang tidak bertulang menjadikan segelintir mereka gemar berkata-kata menurut nafsu dan kemahuan tanpa menghiraukan kesan yang bakal mengundang dan menghakis kesantunan bahasa dalam perhubungan sosial dalam masyarakat (al-Ghazali 2003).

Sebahagian implikasi yang mencemarkan elemen kesantunan berbahasa (M. Abdul Quesam dan Kamil, 1988) ialah bertutur kata yang tidak sopan, berlebihan dalam pergaulan, memaki hamun, mengherdik, gurauan yang melampau, memperkecilkan orang lain, membuka keaiban, mengumpat, menipu dan *namimah*, iaitu mengadu domba. Sebuah riwayat yang dinukilkan oleh Abi Ayyub al-Ansari RA berkata, Nabi SAW berpesan dalam sabdanya yang bermaksud:

Jangan kamu bercakap dengan sesuatu perkataan yang esoknya kamu akan menyesal kelak.

[Ibn Majah. 1997. *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Zuhd, Bab al-Hikmah, no hadis 3381. Hukum hadis: Hadis Hasan]

Keunggulan Nabi SAW menyantuni sama ada baginda sebagai penutur mahupun pendengar sebenarnya menterjemahkan sebuah pesanan bahawa Islam mendidik umatnya supaya berinteraksi menurut sunnah baginda. Masyarakat perlu menanam diri agar mengembleng prinsip luaran dan dalaman ketika berinteraksi agar menzahirkan keterampilan diri sebagai penutur yang bertamadun (Jalaluddin Rahmat 2001). Islam mendorong masyarakat melatari pertuturan dengan menyemai elemen kesantunan bahasa setiap perbualan yang diucapkan (Mafri Amir 1999). Komunikasi menggunakan pendekatan kesantunan dalam tutur kata juga mempunyai pelbagai kaedah penyampaian yang berkesan dalam mendekati masyarakat ke arah pembinaan komunikasi berteraskan agama (Nor Saleha Mohd Salleh 2012).

## **KESIMPULAN**

Kesantunan dalam tutur kata yang ditonjolkan oleh Nabi SAW berkomunikasi dengan sahabat RA merupakan satu pendekatan yang mendedahkan kepada manusia untuk berkomunikasi dalam setiap lapisan masyarakat menggunakan prinsip agama bahkan menyedarkan mereka tentang kepentingan percakapan menurut syariat (Ali Jarisyah 1987). Kesepaduan memperkasakan kedua-dua pendekatan elemen al-Quran dan hadis sebenarnya dapat melahirkan masyarakat yang berintegriti dan menjulang keperibadian yang unggul dalam pertuturan tanpa mengambil sebahagian dan meninggalkan sebahagian yang lain (Jalaluddin Rahmat 1996). Justeru, melentur jiwa kesantunan berbahasa dalam masyarakat perlu dipandu setiap perkataan yang keluar dari mulut mereka selari dengan landasan al-Quran dan al-Sunnah (Ahmad Ghulusi 1987). Oleh demikian, kandungan hadis khususnya wajar diaplikasi dalam pelbagai aspek moral dan nilai melalui pendekatan yang sedia ada bagi mengatasi masalah kebejatan penyakit sosial yang tertumpu pada masalah ketirisan masyarakat berinteraksi (Al-Qaradawi 2002). Tuntasnya, cara baginda Rasulullah SAW menyantuni dalam percakapan menjadi penyumbang besar dalam medan dakwah bagi membentuk pembangunan sosiobudaya yang terdidik dengan akhlak dan moral. Kesantunan juga dapat mendepani masalah pergeseran yang menghakis percakapan masyarakat yang mencalarkan imej dan nilai pertuturan dalam berbicara (Abu Dzar Ahmad 2019). Tuntasnya, kesantunan bahasa yang diadabtasi daripada baginda Nabi SAW merupakan medium ke arah membentuk ketamadunan dan peradaban masyarakat seiring duniawi dan ukhrawi bagi menghasilkan keharmonian setiap tutur kata yang dilafazkan (Fuad Anshori 2002).

## RUJUKAN

- A'dawiyah Ismail. 2011. *Konsep Keluarga Berkualiti Menurut Islam*. Al-Hikmah, Vol 3, 121-144. Bangi: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan Islam, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Ad-Dien Abdul Kadir. 2016. *Motivasi daripada Hadith Nabi*. Batu Caves: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.
- Adnin Roslan. 2017. Kolumnis *Majalah Solusi Panduan Hidup Bersyariat*. No 102, hlm. 35. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Abu Dzar Ahmad. 2019. *Kerelevanan Uslub Nabi SAW Dalam Komunikasi Masyarakat Masa Kini*. Al-Sirat, Bil. 18, 2019M/1441H, hlm. 185-199. Kuantan: Jabatan Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (BPI) Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS).
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 2004. *Sahih al-Bukhari*. Penyusun: Muhammad Fu'ad Abd al-
- Baqi. Al-Qahirah: Dar Ibnu al-Haytham.
- Abd Ganing Laenking. 2010. *Kesantunan Bahasa Dalam Ceramah Motivasi*. Ijazah Sarjana. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM).
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 2003. Edisi Terj.: *Panduan Mengawal Lisan Kenali Bahaya dan Kegelicirannya*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Ali Jarisyah. 1987. *Manahij Al-Dakwah Wa Asalibuh*. Kaherah: Dar al-Wafa'.
- Al-Munajjid, Muhammad Salih. 2014. *Kaedah Rasulullah SAW Menegur Kesilapan*. Terj: Nor Aini Ismam. Petaling Jaya: Dakwah Corner Publications Sdn. Bhd.
- Al-Omouh, Ahmed Mohamed Falih. 2010. *Al-Talatuf fi al-Qur'an al-Karim*, hlm. 117. Jordan: Universiti al-Albait.
- Al-Qaradawi, Yusuf Abd Allah. 2002. *Kayfa Nata'amal ma'a al-Sunnah al-Nabawiah*. Mesir: Dar al-Syuruq Madinah al-Nasr.
- Awang Sariyan. 2015. *Santun Berbahasa (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Aziyah Abu Bakar, Wan Abd Aziz Wan Mohd Amin, Hasniza Che Noh & Mohd Yahya Mohamed Ariffin. 2011. *Hubungan Komunikasi Keluarga Dalam Menangani Konflik Dalam Kalangan Remaja*, vol. 13, no. 1. Kuala Lumpur: Jurnal Pengajian Media Malaysia.
- Brown, P, dan Levinson S,. 1987. *Politenesse: Some Universal in Language Usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Damayanti Wardyaningrum. 2013. *Komunikasi Untuk Penyelesaian Konflik Dalam Keluarga: Orientasi Percakapan Dan Orientasi Kepatuhan*. Vol. 2, No. 1. Jakarta: Jurnal Al-Azhar Indonesia Seri Pranata Sosial (Universitas Al-Azhar Indonesia).
- Djamarah, Syaiful Bahri. 2004. *Pola Komunikasi Keluarga Orang Tua dan Anak dalam Keluarga*. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- Fuad Anshori. 2002. *Agenda Psikologi Islam*. Yoghyakarta, Indonesia: Pustaka Pelajar.
- Ghulusi, Ahmad. 1987. *Al-Da'wah al-Islamiah*, 9. Kaherah: Dar al-Kijab.
- Ibn Daqiq al-Eid, Mohamed bin Ali al-Manfaluti. 2008. *Syarh al-Arbain al-Nawawiah fi al-Ahadith al-Sahihah al-Nabawiah*. Bayrut: Dar Ibn Hazm.
- Ibn Hajar al-Asqalani, Syihab al-Din Ahmad bin Ali. 2001. *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Penilai: Abd al-Qadir Syaibah al-Hamad. Arab Saudi: Sahib al-Sami al-Maliki al-Amir al-Sultan bin Abd Aziz Aal Sa'ud.



- Ibn Majah, Abu Abd Allah, Muhammad bin Yazid al-Qazwini. 1997. *Sahih Sunan Ibn Majah*. Penilai: Muhammad Nasiruddin. Saudi: Maktabah al-Ma'arif li Nasyr wa al-Tauzi'.
- Jalaluddin Rahmat. 2001. *Psikologi Komunikasi*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Jalaluddin Rahmat. 1996. *Etika Komunikasi Perspektif Religi*. Jakarta: Perpustakaan Nasional.
- Mafri Amir. 1999. *Etika Komunikasi Massa dalam Pandangan Islam*. Jakarta: Logos.
- M. Abdul Quasem dan Kamil. 1988. *Etika Al-Ghazali: Etika Majemuk Di Dalam Islam*, hlm. 122. Bandung: Pustaka.
- Muhammad Amar, M., Mohd Nizho, AR., & Mohd Akram, D. 2015. *Memasyarakatkan Dakwah Berdasarkan Surah An-Nahl Ayat 125: Suatu Sorotan Ringkas*. Memasyarakatkan Quran Mensejahterakan Ummah. Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Muhamad Fairuz Ali dan Che Radiah Mezah. 2019. *Memasyarakatkan Dakwah Melalui Kesantunan Bahasa: Sorotan Ringkas Dalam Al-Quran*, Jurnal Al-Sirat, Bil. 18, Vol. 1 (2019): 78-87. Kuantan: Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (BPI) Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS).
- Mohd Yusuf Ismail dan Syed Najihuddin Syed Hassan. 2011. *Pendekatan Nabawi Dalam Membentuk Remaja Muslim Sejati*. Jurnal Hadis (Edisi Tahun Akhir), Bil. 2, 2011M/1433H, hlm. 31-45. Bangi: Institut Kajian Hadis dan Akidah (INHAD), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. 2008. *Sahih Muslim*. Penyusun: Mohammed Tamer. Mesir: Matba'ah al-Madani.
- Mustafa Haji Daud. 1995. *Budi Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Al-Nihlawi, Abd al-Rahman. 2010. *Usul al-Tarbiah al-Islamiah wa Asalibiha fi al-Bayt wa al-Madrasah wa al-Mujtama'*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Nooh Gadut. 2013. *Kertas Kerja: Masyarakat, Pendidikan dan Pembentukan Keluarga Islam Berkualiti*. JAKIM: Laporan Tahunan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 2013.
- Nor Azian Abd Aziz. 2005. *Analisis Kesantunan Berbahasa: Satu Kajian Kes*. Ijazah Sarjana. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya (UM).
- Nor Saleha Mohd Saleh. 7 Ogos 2012. Artikel bebas Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Melaka: *Komunikasi Pendekatan Islam*. Melaka: Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka.
- Onong Uchjana Effendi. 2000. *Dinamika Komunikasi*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Rahbiahtul Adauwiyah Arifin. 2014. *Pembentukan Keluarga Ideal Menurut Islam dalam Kalangan Ibu Tunggal di Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu*. Bangi: Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Riduan Makhtar dan Abd Ganing Laenking. 2016. *Amalan dan Penilaian Kesantunan Bahasa Dalam Kalangan Pelajar Pascasiswazah Melayu Muslim*. Journal of Social Sciences and Humanities, Special Issue 3, hal. 01-18. Bangi: Fakulti Sains, Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saad al-Din, Imam Abdul Mun'im. 2006. *Meneladani Akhlak Nabi*. Terj: Dadang Sobar Ali. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Sugiyono. 2005. *Memahami Penelitian Kualitatif*. Bandung: ALFABET.
- Wan Aminurrashid. 2002. *Etiket Islam: Panduan Sopan Santun*. Pahang: PTS Publication & Distribution.
- Wan Siti Fatimatul Akmal Wan Hasan dan Suhaila Zailani @ Ahmad. 2019. *Strategi dan Panduan Kesantunan Bahasa Menurut Perspektif Islam*. Islamiyyat 41(1) 2019: 117-129. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).